

18 JUN 2003

Umno-Pemuda (Gulung)

PEMUDA PERLU BANGKIT WUJUDKAN PASUKAN TERKUAT BANTU UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Keanggotaan Pemuda Umno di seluruh negara diminta bangkit untuk membentuk pakatan sebagai satu pasukan terkuat dalam sejarah pergerakan itu bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Pemuda Umno sebagai sayap kanan parti kini berada pada tahap terbaik bagi membantu perjuangan Umno untuk menghadapi pilihan raya umum khususnya menentang PAS.

"Pemuda Umno akan sentiasa berada di depan dalam perjuangan agama, bangsa dan negara selain untuk membela dan menjamin nasib generasi masa depan," katanya ketika menggulung perbahasan usul sempena persidangan perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno tahun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Persidangan itu yang berakhir petang ini dirasmikan pembukaannya oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Hishammuddin berkata sebagai Ketua Pemuda yang menyandang jawatan itu sejak 1999, beliau tidak mengharapkan pemimpin dan anggota Pemuda Umno untuk bertindak sempurna dalam setiap tindak-tanduk mereka bagi kepentingan parti.

"Tetapi saya sentiasa mengharapkan setiap ahli dan pemimpin memberi komitmen dan kesungguhan dalam perjuangan masing-masing," katanya.

Hishammuddin berkata perhimpunan agung Pemuda kali ini juga amat bersejarah kerana selain menjadi perhimpunan terakhir pergerakan itu sebelum pilihan raya umum akan datang, ianya juga menjadi perhimpunan terakhir Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum berundur Oktober ini.

Beliau berkata sebagai tanda penghargaan tertinggi kepada Dr Mahathir yang banyak memberi sumbangan terhadap perjuangan parti dan pembangunan negara, Pemuda Umno berjanji untuk bekerja keras pada pilihan raya umum.

"Kita akan teruskan perjuangan bangsa Melayu dan dalam tempoh yang sama kita juga akan tentang PAS habis-habisan," katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno kini amat bersemangat untuk menentang PAS yang disifatkan sebagai pengkhianat bangsa dan agama.

Terdahulu, Pengerusi Biro Agama Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dalam ucapan penangguhannya mahu Pemuda Umno mengikis perasaan rendah diri ketika berdepan dengan anggota pembangkang terutamanya PAS.

Beliau berkata anggota pergerakan itu sebenarnya mampu bersaing dengan pemimpin PAS dalam segala bidang kerana mereka merupakan individu yang mempunyai pengetahuan dan berakhlak mulia, bertentangan dengan sikap PAS.

"Sebenarnya orang PAS pun bukannya pandai sebab sejak akhir-akhir ini dalam ceramah, mereka (anggota PAS) tidak diajar tentang ilmu pengetahuan," kata Dr Khir yang juga Menteri Besar Selangor.

Beliau berkata sikap anggota PAS yang bertindak membuat bising ketika khatib membaca khutbah Jumaat serta tindakan melampau anggota parti pembangkang itu dengan memulaukan sembahyang Jumaat di Shah Alam baru-baru ini, membuktikan golongan itu jahil mengenai agama.

-- BERNAMA

ERE RAR KHY ROS